

09 SEP 2003

Mahathir-Kadazandusun (Fokus Berita)/I

HADIAH POLITIK PERPISAHAN DR MAHATHIR KEPADA MASYARAKAT KADAZANDUSUN

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 9 Sept (Bernama) -- Dalam apa yang dilihat sebagai hadiah perpisahan politik kepada masyarakat Kadazandusun di Sabah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi harapan kepada tiga parti politik utama Kadazandusun -- Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) dan Parti Bersatu Sabah (PBS), dalam nada berbeza.

Dr Mahathir yang akan bersara bulan depan, mempamerkan kematangan politiknya setiap kali pemimpin veteran itu dijemput merasmikan kongres ketiga-tiga parti itu sejak tiga bulan lepas.

Pertama, semasa lawatannya ke Negeri Di bawah Bayu itu, Dr Mahathir memberi kata-kata perangsang kepada Tan Sri Joseph Kurup yang mengetuai PBRs dengan berkata "PBRs tidak akan dilupakan pada pilihan raya negeri akan datang."

Semasa melancarkan kongres PBRs di Keningau baru-baru ini, Perdana Menteri berkata selagi rakyat Sabah, terutama penyokong PBRs, menyokong kuat BN, PBRs tidak akan dilupakan -- kenyataan yang dibuat sebagai respons kepada permintaan PBRs untuk mendapat kerusi pada pilihan raya negeri akan datang.

Jaminan daripada Dr Mahathir itu diterima baik masyarakat Kadazandusun terutama anggota PBRs dengan sebahagiannya berkata "ini merupakan manifestasi jelas amalan sebenar konsep perkongsian kuasa dalam BN, selain memperakui peranan parti-parti kecil dalam BN.

Dr Mahathir kemudiannya menerima tepukan hangat perwakilan UPKO apabila beliau berharap seorang pemimpin parti itu akan sentiasa tersenarai dalam Kabinet Persekutuan.

Tetapi, dalam mendapatkan sokongan Kadazandusun untuk BN, Dr Mahathir berkata pemimpin terbabit mesti "dipilih" kerana seorang senator hanya boleh memegang jawatan itu untuk jangka masa pendek".

Pada masa ini, UPKO diketuai Tan Sri Bernard Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Semalam, kehadiran Dr Mahathir yang ditunggu-tunggu pada kongres ke-18 PBS menjadi kenyataan dan kali ini, beliau menyambut mesra kepulauan PBS kepangkuan BN.

Bercakap dihadapan lebih 5,000 orang di Dewan Hongkod Koisaan, beliau berkata kepulauan PBS kepangkuan BN pastinya akan memperkukuhkan lagi gabungan itu dan memastikan kejayaan besar BN pada pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata beliau dan pemimpin BN lain sangat gembira apabila PBS menyuarakan hasrat untuk menyertai semula BN dan menambah bahawa "kita tidak pernah berkata kita tidak perlukan mereka (PBS) kerana kita sudah pun cukup kuat. Sebaliknya kita sangat gembira mendengar permintaan mereka untuk kembali bersama-sama BN."

"Kita tidak tamak dan bersedia untuk berkongsi dengan PBS," kata Dr Mahathir yang disambut dengan tepukan gemuruh daripada penyokong PBS.

Niat baik daripada pengerusi BN kepada kem PBS itu menunjukkan beliau memang pakar politik, yang mampu merangka strategi dalam apa-apa keadaan sekali pun.

Perdana Menteri menegaskan bahawa konsep perkongsian kuasa yang diamalkan di Malaysia bukan berpura-pura tetapi perkongsian nyata.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata: "Walaupun pada satu masa saya dan beliau (PM) "sparring partner" tetapi sebenarnya merupakan

"secret admirer" (peminat) kepada Perdana Menteri.

"Kami sangat bangga dengan peranan dan sumbangan YAB Datuk Seri kerana menyatupadukan masyarakat yang juga merupakan wawasan PBS," katanya.

Seorang perwakilan PBS dari Kiulu, Joos Galid berkata: "Saya sangat-sangat mengagumi cara Dr Mahathir melindungi kepentingan semua rakyat di negara ini."

"Semua parti Kadazandusun di Sabah mendapat peluang perkongsian yang sama dalam BN dan kami memang menunggunya," katanya.

Joos berkata sudah sampai masanya bagi semua parti politik di negeri ini terutama parti yang berasaskan Kadazandusun melupakan perbalahan dan bekerja bersama-sama untuk kebaikan bersama.

Sesungguhnya Dr Mahathir telah menentukan kedudukan Kadazandusun dalam arus perdana politik nasional dan kini terpulanglah kepada masyarakat kaum itu untuk menjayakan hadiah perpisahkan itu.

-- BERNAMA

NT NT AAM LAT